

BAB 6

PENUTUP

Leksikografi bukan sahaja merupakan satu bidang yang berkaitan dengan kerja-kerja menghasilkan kamus, tetapi juga merupakan satu bidang yang memerlukan pemahaman terhadap bidang-bidang ilmu yang lain seperti morfologi, sintaksis, semantik, dan fonologi. Ini disebabkan bidang-bidang tersebut tercakup dalam proses penghasilan kamus.

Pada peringkat awal, usaha-usaha dalam bidang leksikografi di kebanyakan tempat bermula dalam bentuk senarai kata. Pada peringkat ini, proses pengumpulan kata dilakukan dengan tujuan menjaga sesuatu bahasa daripada terhapus. Seterusnya pengumpul-pengumpul kata ini telah memberikan makna kepada kata-kata yang disenaraikan dengan tujuan mempelajari makna kata-kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa, khususnya dalam memahami sesuatu konsep untuk tujuan keagamaan. Selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan, leksikografi telah mencapai satu tahap yang tinggi, sehingga terhasil berbagai-bagai bentuk kamus yang meliputi pelbagai bidang.

Kajian ini telah melihat sejarah perkembangan leksikografi Melayu. Leksikografi Melayu dikatakan bermula dalam bentuk senarai dan daftar kata, diasaskan oleh pedagang-pedagang asing yang datang berniaga. Ini diikuti pula oleh orang-orang Barat yang datang menjajah wilayah Melayu selepasnya. Penghasilan kamus-kamus oleh para penjajah ini telah mendorong orang tempatan untuk menghasilkan kamus bahasa Melayu sendiri, misalnya Raja Ali Haji yang menghasilkan **Kitab Pengetahuan Bahasa** yang dianggap sebagai kamus ekabahasa bahasa Melayu yang pertama.

Perkembangan ilmu pengetahuan telah menjadikan leksikografi Melayu semakin maju selaras dengan ledakan ilmu hari ini. Desakan untuk mempelajari bidang-bidang baharu yang semakin maju telah menyebabkan munculnya berbagai-bagai bentuk kamus; dan hasilnya bahasa Melayu telah mempunyai sebuah kamus yang menjadi sumber rujukan bagi kebanyakan pengguna bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan. Kamus tersebut telah dijadikan tumpuan kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga membincangkan proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu secara ringkas sebagai perbandingan di antara kata yang digunakan dalam tatabahasa dengan kata yang digunakan dalam leksikografi. Umumnya, bentuk-bentuk kata yang terdapat dalam tatabahasa adalah sama dengan bentuk-bentuk kata yang terdapat dalam kamus, cuma pendekatan penggunaan kata tersebut yang berbeza. Kata dalam tatabahasa membawa hubungan di antara konteks dan penggunaannya dalam ayat, manakala kata dalam leksikografi memperlihatkan hubungan di antara bentuk kata tersebut dengan makna yang didukungnya. Ini kerana setiap entri yang dimuatkan ke dalam kamus tidak semestinya mempunyai satu makna sahaja, ada juga entri yang boleh membawa makna yang pelbagai, dan *leksem* kelihatan boleh menangani setiap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu entri, manakala kata pula sesuai menggambarkan makna yang berkaitan dengan konteks ayat.

Salah satu tumpuan utama kajian ini ialah melihat proses pembentukan *leksem* yang didapati sesuai dijadikan satu unit asas dalam proses pembentukan kata yang terdapat dalam kamus. *Leksem* ialah satu istilah yang telah

digunakan oleh beberapa ahli leksikografi bagi menggambarkan unit abstrak yang terdapat dalam kamus.

Selain menggambarkan unit abstrak bagi entri, *leksem* ini juga ditakrifkan oleh sebahagian ahli leksikografi sebagai unit asas dalam proses penghasilan kamus. Hasil daripada penelitian yang dibuat, didapati *leksem* sesuai digunakan sebagai satu bentuk dasar dalam kerja-kerja pentakrifan dan pemaknaan entri yang dimuatkan dalam kamus. Oleh sebab itu, berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap Kamus Dewan, kajian ini mendapati bahawa *leksem* sesuai dijadikan satu unit asas dalam proses penghasilan kamus ekabahasa bahasa Melayu, khususnya Kamus Dewan sendiri.

Kajian ini juga telah melihat aspek pemaknaan yang berlaku dalam Kamus Dewan. Kamus Dewan telah menggunakan pendekatan-pendekatan leksikografi, sinonim, logik, antonim, dan ensiklopedia dalam mendefinisi setiap *leksem* yang dimuatkan sebagai entri. *Leksem*-*leksem* yang didefinisi ini termasuklah *leksem* tunggal, *leksem* terbitan, *leksem* majmuk dan *leksem* ganda.

Kamus Dewan menggunakan pendekatan leksikografi lebih kerap berbanding dengan pendekatan-pendekatan lain. Ini kerana pendekatan leksikografi lebih sesuai bagi mentakrifkan entri dalam kamus ekabahasa. Tambahan pula, entri yang dimuatkan dalam Kamus Dewan ekstensif jumlahnya. Selain itu, pendekatan sinonim juga agak banyak digunakan; ini disebabkan leksem-leksem yang terdapat dalam bahasa Melayu mempunyai banyak padanan kata seerti yang mudah difahami.

Kajian ini juga mendapati pendekatan-pendekatan lain seperti pendekatan logik, antonim, dan ensiklopedia kurang digunakan. Pendekatan-pendekatan tersebut didapati kurang sesuai diaplikasikan dalam proses pemaknaan kamus ekabahasa. Pendekatan antonim tidak sesuai kerana pendekatan ini tidak dapat menghuraikan makna sesuatu entri dengan jelas dan boleh menimbulkan kekeliruan, misalnya *tidak cantik* sebagai penerangan kepada *huduh* dan *buruk*. Ini boleh menyebabkan pengguna kamus menghadapi kesukaran jika semata-mata berdasarkan kepada bentuk lawan tersebut.

Pendekatan logik pula lebih sesuai digunakan dalam mentakrif istilah khusus. Ini kerana pendekatan ini mementingkan ciri-ciri utama sesuatu entri yang dihuraikan secara jelas dan lengkap. Pendekatan ensiklopedia pula merupakan pendekatan yang menghuraikan entri secara terperinci dan meluas. Pendekatan ini kurang sesuai diaplikasikan terhadap Kamus Dewan kerana tidak selaras dengan matlamat Kamus Dewan yang mencatat segala pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu hari ini (Abdullah Hussain : 1970).

Sebagai sebuah kamus yang menjadi pegangan dan sumber rujukan kepada pengguna-pengguna bahasa Melayu, Kamus Dewan telah berjaya menangani aspek pemaknaan dengan baik. Setiap leksem yang dimuatkan sebagai entri telah didefinisi dengan begitu teliti dan jelas. Namun begitu, penyusun-penyusun Kamus Dewan juga haruslah peka terhadap perkembangan leksikografi dunia dan perkembangan bahasa Melayu itu sendiri bagi memastikan kamus yang bakal terhasil selaras dengan perkembangan bidang ilmu hari ini.

Kajian ini pada keseluruhannya telah meneliti beberapa konsep dan persoalan dalam bidang leksikografi Melayu, khususnya proses penghasilan kamus ekabahasa bahasa Melayu. Selain aspek yang telah dikaji, leksikografi Melayu memerlukan kajian yang lebih terperinci terhadap beberapa aspek lain seperti aspek etimologi, sintaksis, semantik dan fonologi bagi menjadikan leksikografi Melayu satu bidang ilmu yang maju.

Aspek etimologi penting bagi mengetahui sejarah penghasilan leksikon yang ada dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan kebanyakan leksem yang termuat di dalam kamus bukan kepunyaan bahasa Melayu sepenuhnya. Boleh dikatakan dalam Kamus Dewan itu sendiri terkandung sebahagian besar leksem-leksem yang dipinjam daripada bahasa asing yang tidak diketahui asalnya.

Begitu juga aspek sintaksis yang terkandung dalam kamus. Setiap leksem yang di-muatkan sebagai entri sering dijelaskan dengan menggunakan ayat-ayat contoh. Para pengguna kamus kerap menjadikan ayat-ayat contoh ini sebagai rujukan kepada masalah-masalah tatabahasa yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu,

penyusun-penyusun kamus hendaklah peka terhadap ayat-ayat contoh yang dimuatkan ke dalam kamus supaya sentiasa sesuai dengan hukum tatabahasa.

Selain itu, aspek semantik juga amat penting dalam proses penghasilan kamus. Makna yang diberikan terhadap leksem akan digunakan bagi menentukan penggunaan leksem-leksem tersebut dalam konteks ayat. Sekiranya makna yang dibuat tidak menepati makna yang sebenar, maka kesalahan tatabahasa akan berlaku. Misalnya, seperti yang dipersoal oleh Rusmiati Harun dalam Seminar Perkamusan Melayu (1994), beliau mendapati bahawa entri **aras** yang terdapat dalam Kamus Dewan ditakrifkan sebagai *singgahsana Tuhan, syurga yang maha tinggi*, makna yang diberikan kepada entri **aras** di atas seolah-olah menunjukkan bahawa Tuhan mempunyai tempat duduk. Ini bercanggah dengan konsep ketuhanan itu sendiri. Oleh sebab itu, kajian lanjut terhadap aspek semantik dalam proses penghasilan kamus adalah perlu bagi mengelakkan kesalahan penggunaan kata dalam tatabahasa.

Kamus merupakan satu sumber rujukan bagi sebutan, sama ada bagi perkataan-perkataan pinjaman mahupun asli. Aspek fonologi tidak

kurang pentingnya dalam penghasilan kamus. Namun begitu, aspek ini masih belum mendapat perhatian di kalangan penyusun-penyusun kamus tempatan. Oleh itu, usaha-usaha perlu dilakukan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan sebutan dalam proses penyusunan kamus.

Kajian ini diharapkan akan dapat menjadi dorongan kepada pengkaji-pengkaji terhadap proses penghasilan kamus. Kemunculan kajian-kajian baharu amat penting bagi menjadikan leksikografi Melayu setanding dengan leksikografi dunia. Kemajuan dalam bidang leksikografi Melayu bukan sahaja akan memantapkan lagi bahasa Melayu, malahan akan menjadikan bahasa Melayu satu bahasa yang dihormati di mata dunia.